**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (18 JANUARI 2021)** - Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merakamkan rasa dukacita dan kecewa dengan berita yang dilaporkan baru-baru ini berkenaan seorang kanak-kanak perempuan berusia 16 tahun yang mendakwa dirogol oleh seorang tahanan lelaki di salah sebuah lokap balai polis di Sarawak.

Kes tersebut menimbulkan kebimbangan terhadap kurangnya pelaksanaan dan mekanisma perlindungan oleh Kerajaan untuk melindungi kanak-kanak, termasuk kanak-kanak dalam tahanan. Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun. Pesuruhjaya Kanak-Kanak juga ingin menekankan bahawa Malaysia, sebagai sebuah Negara Pihak bagi Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), mempunyai kewajipan untuk melaksanakan tindakan yang diperlukan bagi melindungi hak kanak-kanak.

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada pejabat SUHAKAM di Sarawak, kanak-kanak perempuan itu telah membuat laporan polis berkenaan insiden malang tersebut. Adalah amat penting bagi satu siasatan dijalankan demi kepentingan kanak-kanak kerana kejadian seperti ini tidak seharusnya berlaku, terutamanya apabila kanak-kanak tersebut berada di bawah pengawasan pegawai penguatkuasa undang-undang. Acap kali, kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang ada kecenderungan untuk dilupakan, walhal pada hakikatnya, kanak-kanak adalah mangsa dan penjagaan asas untuk melindungi mereka amat diperlukan.

Saya difahamkan bahawa kes ini sedang dalam siasatan, saya berpendapat bahawa pihak polis hendaklah mengambil tindakan serius dan segera untuk menangani perkara tersebut termasuk mengkaji semula semua garis panduan (SOP) bagi lokap dan mempertingkatkan fasilitinya seperti kamera litar tertutup (CCTV) bagi memastikan hak kanak-kanak dilindungi. Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) akan terus membuat pemantauan susulan terhadap isu ini dan akan memanjangkan cadangan yang sesuai dalam memastikan hak serta keselamatan kanak-kanak dilindungi.

**-TAMAT-**

**Professor Dato' Noor Aziah Hj. Mohd Awal**
**Pesuruhjaya Kanak-Kanak**
**18 Januari 2021**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my*